



**TEKS UCAPAN  
TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN**

**SEMPENA LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI  
PERTAHANAN  
KE MARKAS 5 DIVISYEN**

**PADA 27 JANUARI 2024**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,  
ALHAMDULILLAHI RABBIL ALAMIN, WASSALATUWASSALAM WA'ALA  
SAYIDINA MUHAMMAD, WAALA-ALIHI WASAHLBIHI AJMAIN**

### **SALUTATION (BERASINGAN)**

YBhg. Datuk, / Panglima-Panglima, / Pegawai-Pegawai Kanan, / Para Pegawai, / SMR Markas 5 Divisyen, / Para Bintara, / Petanda, / Perajurit serta hadirin sekalian.

مَلَّا مَكِيدَعَةٌ مُحْرَوَ اللَّهُ هَتَّاكِرْبُو

**dan salam sejahtera.**

1. Segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala. // Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, pembawa rahmat ke seluruh alam. // Bersyukur hendaknya kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala / kerana dengan limpah kurnia / dan keizinan Nya juga / kita diberi rahmat kesihatan / dan ruang / untuk bersama-sama pada hari ini/ sempena lawatan kerja saya / ke Markas 5 Divisyen. //
2. Terima kasih saya ucapkan kepada warga Kem Lok Kawi, / terutamanya YBhg Panglima 5 Divisyen / atas sambutan dan kesudian menerima sebagai tetamu pada hari ini. // Sesungguhnya / saya merasa amat bangga / melihat kesegakan dan kekemasan perbarisan yang ditunjukkan semasa pemeriksaan kawalan kuarter. //
3. Ia jelas mencerminkan semangat kerjasama yang jitu / serta keikhlasan saudara dalam menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan.// Saya berharap / agar

semangat dan nilai murni yang sama / turut menjadi amalan / dan diterjemahkan dalam pelaksanaan tugas sehariannya. //

YBhg Datuk, Panglima dan Hadirin Sekalian.

4. Semasa sesi taklimat sebentar tadi, / saya difahamkan bahawa pelbagai rancangan pembangunan yang direncanakan di bawah 5 Divisyen / sedang dan dalam fasa pelaksanaan. // Ini merangkumi / senggaraan ke atas kem-kem, fasiliti dan pembinaan baharu RKAT. // Pelaksanaan ini menggambarkan pucuk pimpinan Tentera Darat khasnya, / dan Kementerian Pertahanan amnya / sentiasa meletakkan kesejahteraan warganya sebagai keutamaan yang paling tinggi. // Situasi ini bukan sahaja mampu meningkatkan semangat patriotisme / moral dan tahap kesetiaan dalam kalangan anggota kepada organisasi / malahan dapat memastikan kelestarian kesejahteraan warga dapat dikekalkan. //
5. Perancangan pembangunan ini turut memberi fokus kepada pengukuhan fungsi ATM di perbatasan iaitu melibatkan pembinaan Pos Imbang ATM di Felda Selatan / serta perolehan kelengkapan Tentera Darat. Komitmen Kementerian dan ATM ini / adalah selaras dengan visi YAB Perdana Menteri / sempena Pembentangan Kajian Separuh Penggal RMK-12 pada 11 September 2023, / iaitu mengoptimumkan kawalan keselamatan di sempadan / melalui peningkatan infrastruktur ATM di sepanjang sempadan Sabah dan Sarawak dengan Indonesia.
6. Selaras dengan **FOKUS Pertama Yang Berhormat Menteri Pertahanan** / saya, / selaku Timbalan Menteri Pertahanan / akan terus menyokong dan membantu sedaya upaya / untuk merealisasikan matlamat **meningkatkan kesiapsiagaan ATM** / sebagaimana yang telah direncanakan / khususnya dalam proses **pemodenan kelengkapan dan aset ketenteraan** serta mengukuhkan **keupayaan**

**ilmu, kepakaran serta kearifan** anggota dan pegawai dalam bidang-bidang kritikal. //

7. Saya percaya, / hubungan dan kerjasama yang erat lagi utuh / antara Kementerian Pertahanan dan pucuk pimpinan Tentera Darat / akan mampu visi ini demi memastikan keberkesanan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab ATM / dalam mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara tercinta ini. //

YBhg. Datuk, Panglima dan Hadirin Sekalian.

8. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas / dan terima kasih kepada warga pemerintahan Medan Timur Tentera Darat / atas perkhidmatan cemerlang yang telah disumbangkan. // Marilah kita bersama-sama mempertahankan kedaulatan negara ini / agar terus terpelihara dan dirahmati. // Sama-samalah kita berdoa ke hadrat Ilahi / semoga 5 Divisyen dan warganya / sentiasa dilimpahi keberkatan, dianugerahi semangat juang yang tinggi dan kecemerlangan yang berterusan. // Insya allah.

**Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh**

**TERIMA KASIH**